

15 JAN 2003  
NAM-Perniagaan/I  
FORUM PERNIAGAAN SEIRING DENGAN NAM KE-13

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Forum perniagaan mengenai kerjasama Selatan-Selatan akan berlangsung seiring dengan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13, yang akan diadakan di sini dari 20 hingga 25 Feb.

Forum yang digelar sebagai Forum Perniagaan Pergerakan Negara-negara Berkecuali Mengenai Kerjasama Selatan-Selatan itu bertujuan memperkuat kerjasama perniagaan dan ekonomi di kalangan negara-negara Selatan, demikian menurut lamanweb rasmi NAM.

Menurutnya Forum Perniagaan NAM selama dua hari mulai 23 Feb itu akan mengumpulkan usahawan, peneraju industri, profesional dan pengurus koporat untuk membincangkan peluang-peluang bagi kerjasama perniagaan, rangkaian perdagangan dan perkongsian pintar.

Forum itu juga akan menangani isu, cabaran dan prospek yang muncul dari globalisasi manakala penekanan juga akan diberikan terhadap cara-cara sektor swasta boleh memberikan sumbangan dalam merapatkan jurang pembangunan dan digital.

"Sesi pasangan perniagaan, bengkel-bengkel negara khusus dan sesi sektoral juga akan memudahkan interaksi perniagaan dan pertukaran idea serta maklumat," kata laman web itu.

Forum Perniagaan itu dianjurkan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia bersama Kementerian Luar dan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA).

Forum Perniagaan itu akan diadakan di Sunway Lagoon Resort Hotel manakala edisi ke-13 Sidang Kemuncak NAM pula berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucap tama perasmian pada Forum Perniagaan bertajuk "Membina Orde Baru Dunia --Mengekalkan Keamanan, Berkongsi Kemakmuran Global" pada 23 Feb.

Perasmian majlis itu dijangka akan disusuli dengan sesi khas pemimpin-pemimpin NAM yang menumpukan kepada "Membentuk Semula NAM, Mempertingkatkan Kerjasama, Membina Penghubung".

Satu sesi peringkat menteri bertajuk "Memudahkan Rangkaian Perdagangan dan Pelaburan di Kalangan Negara-negara Selatan: Maju ke Hadapan" juga akan diadakan di sebelah petang hari pertama forum berkenaan.

Beberapa sesi perniagaan juga dirancang pada hari kedua dan terakhir forum itu dengan topik-topik yang disediakan termasuk "Menghubungkan Pembangunan Perdagangan dan Jurang Digital -- Bagaimana Negara Selatan-Selatan Boleh Mempertingkatkan Kerjasama, Pentadbiran Global dan Membina Keupayaan Dalam Menghadapi Globalisasi" dan "Membina Semula Persaingan, Mengekalkan Pertumbuhan Ekonomi -- Contoh Masa Depan bagi Kerjasama dan Pembangunan."

Forum itu juga akan memuatkan perbincangan mengenai keamanan dengan seorang negarawan terkemuka tetapi tokoh itu masih belum dinamakan, kata lamanweb itu lagi.

Forum itu dijangka dihadiri delegasi dari kira-kira 50 negara anggota NAM.

Untuk berita-berita berkaitan NAM, sila layari [www.nam2003.com](http://www.nam2003.com)

-- BERNAMA  
SR MFJ ROS